



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 ( )  
Tarikh : 16 April 2021

## **KENYATAAN MEDIA**

---

### **TINJAUAN TAHAP PEMATUHAN SOP BAZAR RAMADAN DI TAPAK BAZAR RAMADAN SEKSYEN 1, BANDAR BARU BANGI**

---

Selangor, 16 April 2021 - KPKT bersama-sama dengan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah turun padang pada 15 April 2021 untuk melakukan tinjauan ke tapak Bazar Ramadan Seksyen 1, Bandar Baru Bangi bagi memantau tahap pelaksanaan dan pematuhan SOP Bazar Ramadan yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Hasil tinjauan mendapati tahap pematuhan SOP Bazar Ramadan tersebut berada dalam keadaan yang memuaskan. Pelaksanaan pematuhan SOP oleh peniaga dan pengunjung dapat dilihat di Bazar Ramadan tersebut. Perkara utama yang perlu dititikberatkan dalam pengendalian Bazar Ramadan adalah memastikan keadaan bazar terkawal, tidak sesak dan pematuhan SOP dalam kalangan pengunjung. Penganjur juga digalakkan untuk membuat susun atur gerai dan laluan sehalal bagi membolehkan pengunjung bergerak dalam arah yang tersusun.

SOP Bazar Ramadan merangkumi kawalan keluar masuk pengunjung ke bazar dengan penjarakan fizikal 1 meter, penggunaan cecair pembasmi kuman, pemakaian pelitup muka oleh peniaga dan pengunjung perlu dipatuhi. Selain itu, penganjur diwajibkan menyediakan kemudahan *QR code* MySejahtera dan penyediaan buku pendaftaran kehadiran bagi pelanggan yang tiada kemudahan liputan internet. Peniaga dan pelanggan yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius adalah tidak dibenarkan masuk ke tapak bazar Ramadan.

KPKT juga ingin mengingatkan selaras dengan penurunan kuasa mengkompaun kesalahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengkompaun sebarang kesalahan dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) berkuatkuasa 14 April 2021, anggota Penguatkuasa PBT boleh mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pengunjung dan para peniaga yang didapati ingkar dan melanggar SOP mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Penurunan kuasa mengkompauan kesalahan membolehkan ketidakpatuhan SOP diambil tindakan segera oleh PBT dalam memastikan keselamatan dan kesihatan orang ramai adalah terjamin. Dengan penguatkuasaan SOP oleh pihak PBT, ia dapat memantapkan lagi pematuhan SOP dalam penganjuran Bazar Ramadan. Ini penting dalam mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan masyarakat seterusnya dapat mengelakkan kewujudan kluster baharu jangkitan COVID-19 berpunca daripada Bazar Ramadan.

## **KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**16 April 2021**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*